

CNS6302

R GB12-06 00153 BC441

bah

Mahathir - Perkhidmatan

SEMUA HOSPITAL PERLU BENTUK STANDARD PERKHIDMATAN

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menvarankan agar semua penturusan hospital membentuk satu standard yang boleh diadkan ukuran kualiti perkhidmatan mereka.

Perdana Menteri berkata standard itu perlu mencakupi aspek perkhidmatan dan kemudahan termasuk menyediakan peralatan berteknologi tinggi serta kaki tangan yang mahir.

"Setiap hospital perlu dilengkapi dengan peralatan yang memuaskan, canggih dan berteknologi tinggi tetapi ini tidak menjamin perkhidmatan yang berkualiti jika kemahiran kakitangan tidak ditingkatkan," katanya ketika merasmikan Institut Jantung Negara (IJN), disini.

Dalam hal ini, beliau menekankan tentang pentingnya latihan dalam perkhidmatan diadakan sama ada didalam mahupun diluar negara sebagai usaha mempertingkatkan kepakaran dan kemahiran kakitangan.

Langkah itu perlu kerana hanya dengan cara itu sahaja mereka dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai dan pesakit, kata beliau. -- Lagi

♥12/06/13-40MST

CNS6317

R GB 12-06 00153 BA879

BAH

Mahathir - Perkhidmatan Kuala Lumpur

Ketika memberi pandangannya mengenai apa yang dimaksudkan sebagai perkhidmatan berkualiti, Dr Mahathir berkata, ia perlu dapat memenuhi harapan pesakit yang datang kerana rawatan sehingga mereka berpuas hati dengan tahap layanan yang diterima.

"Kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan mestilah juga selamat dan berkesan. Untuk digunakan, contohnya preskripsi ubat kepada pesakit mestilah dinyatakan dos yang betul dan mudah digunakan.

"Perkhidmatan yang diberikan juga hendaklah menepati masa yang bersesuaian supaya ia dapat memberi faedah yang maksimum kepada orang ramai," kata beliau.

Perdana Menteri juga menekankan tentang pentingnya maklumat mengenai pesakit ditulis dengan tepat dan jelas agar kesilapan tidak berlaku apabila pesakit berkenaan dirujuk ke bahagian atau kepada kakitangan lain.

Beliau juga mahu kakitangan hospital sentiasa bertindak segera dan memberi keutamaan kepada permintaan dan aduan orang ramai dalam usaha mengatasi masalah mereka serta memperkenalkan inovasi dan kemudahan baru.

-- Lagi.

▼12/06/14-00MST

CNS6319

R GB 12-06 00135 BA880

BAH

Mahathir -- Perkhidmatan 3 Kuala Lumpur

Bauaimanauun. katanva. program bagi mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan tidak akan berjaya sekiranya tidak disokong semua peringkat komuniti.

Selain daripada itu. Dr Mahathir mengingatkan kakitangan hospital. supaya sentiasa memberi perhatian terhadap penyelenggaraan peralatan bagi memastikan ia sentiasa berfungsi dengan baik dan tahan lama.

Meninjau IJN beliau yakin institut itu akan muncul sebagai sebuah pusat rawatan dan rujuk kardiotorasik yang unggul di rantau ini.

Beliau berkata. walaupun institut berharga RM151.5 juta itu kini diswastakan. ia mengekalkan tanggungjawab sosial kerajaan untuk menanggung kos rawatan bagi kakitangan dan mereka yang berpendapatan rendah.

Perdana Menteri berkata. untuk itu kerajaan menetapkan agar 55 peratus daripada jumlah pesakit IJN mesti terdiri daripada golongan miskin. 15 peratus bagi golongan berada dan baki nya masyarakat pertengahan. -- Lagi.

▼12/06/14-02MST

CNS6320

R GB 12-06 00141 BA881

BAH

Mahathir - Perkhidmatan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau bagaimanapun berharap kemudahan yang disediakan untuk golongan miskin tidak disalahgunakan mereka yang berkemampuan dengan meminta dikecualikan daripada bawaran rawatan.

Pengerusi IJN, Tan Sri Dr Abdul Khalid Sahan pula berkata, institut itu akan membuka lebih banyak peluang bagi kerjasama serantau dalam bidang latihan dan penvelidikan antara pusat-pusat jantung di rantau ini dan negara lain.

Katanya, IJN kini secara berterusan melatih doktor-doktor muda untuk menjadi pakar kardiologi dan kardiothoraxik.

Sejak diswas takan pada 1 Sept, IJN, yang mempunyai kemudahan empat dewnn bedahserta mampu menampung 275 pesakit pada satu-satu masa, telah merawat 27,193 pesakit, termasuk 24,129 pesakit luar.

Bagi temboh yang sama juga IJN telah menialankan 674 pembedahan jantung terbuka, 329 pembedahan tertutup dan 218 pembedahan vintasan arteri koronnri. -- Bernama.

JO FAZ KAM.

5/12/06 11:00 AM